

Majikan terpaksa tanggung kos tiga kali ganda

Pecat pekerja sengaja beli MC



PIHAK majikan digesa supaya mengambil tindakan tegas termasuk memecat pekerja mereka yang sengaja membeli MC kerana 'malas' bekerja pada hari berkenaan.

"Dalam perkara ini; para majikan digesa supaya mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja yang didapati melakukan penipuan tersebut dengan memecat mereka tanpa perlu merujuk kepada Mahkamah Perusahaan," kata Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan ketika dihubungi *KOSMO! Ahad* baru-baru ini.

Selain itu, pihak berwajib seperti persatuan yang menaungi pusat-pusat perubatan dan pengamal perubatan di negara ini harus mengambil tindakan terhadap ahlinya yang terlibat dalam gejala tidak sihat itu.

"Ini termasuklah menggantung perkhidmatan seseorang doktor dan juga menggantung lesen sesebuah klinik



SHAMSUDDIN

yang didapati bersubahat dalam menjual sijil MC kepada individu.

"Kerajaan pula harus mengambil tindakan dengan mendakwa mereka di mahkamah kerana telah melanggar

etika industri itu," katanya.

Shamsuddin turut mengutuk tin-
dakan menjual dan membeli MC itu
sambil menyifatkan perbuatan itu se-
bagai tidak menguntungkan sesiapa,
malah akan menyebabkan majikan
terpaksa menanggung kerugian se-
banyak tiga kali ganda.

"Kami telah membuat kajian me-
njenai isu ini. Sekiranya seseorang
pekerja didapati menipu dengan
membeli MC, maka pihak majikan
terpaksa menanggung lebihan kos.

"Ini termasuklah terpaksa mem-
bayar gaji pekerja yang telah cuti
(mendapat MC), menanggung kos
perubatan 'pesakit' tersebut dan
membayar upah lebih masa kepada
pekerja lain yang menggantikan tem-
patnya," jelasnya.

Menurut Shamsuddin, sekarang ini
sebahagian daripada majikan telah
mengambil langkah dengan melantik
klinik-klinik panel untuk syarikat me-
reka dan hanya akan menerima MC
yang dikeluarkan klinik panel ber-
kenaan sahaja.

"Langkah itu merupakan langkah
bijak bagi membendung gejala pe-
nipuan MC terutama di kalangan pe-
kerja," katanya.